

Headline	Siswa UUM bantu ibu tunggal		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	13 Mar 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	138,805
Page No	V5	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	310 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,495
Frequency	Daily	PR Value	RM 31,486



Siswa UUM bantu ibu tunggal

Jitra: Prihatin terhadap kesusahan seorang ibu tunggal yang terlanjar sakit akibat kemalangan, pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM) bersama dengan Lembaga Tabung Haji (TH) tampil menghulurkan sumbangan.

Sumbangan barangan keperluan dapur dan wang tunai itu disampaikan Kelab Kebajikan TH Kedah bersama dengan Kelab Kerohanian UUM kepada Rokiah Hashim yang mengalami kecederaan di bahagian kaki, tangan dan punggung selepas dilanggar kereta berhampiran pasar Pekan Jitra.

Pegawai Kerohanian Jabatan Hal Ehwal Pelajar, UUM, Zaree Zakaria, berkata sumbangan itu ialah sebahagian daripada pengisian aktiviti Kelab Kerohanian bagi mendekati pelajar

KITA MELIHAT PERUBAHAN PERLU DILAKUKAN MEMANDANGKAN PELAJAR PERLU MEMPELAJARI DAN MEMPERTINGKATKAN HUBUNGAN BERSAMA-SAMA BADAN KORPORAT"

**Ahmad Sohaimi
Abd Rahim,**
Pengarah TH Kedah

dan masyarakat.

Pelbagai aktiviti

Katanya, aktiviti lain yang turut dianjurkan kelab ialah membantu jemaah haji, menjalankan kem ibadah, bengkel kepimpinan dan kursus pengurusan jenazah sama ada di dalam mahupun luar kampus.

Sementara itu, Pengarah TH Kedah, Ahmad Sohaimi Abd Rahim ketika ditemui berkata, aktiviti kemasyarakatan sebegini diharap dapat merencanakan lagi sumbangan pelajar kepada masyarakat.

"Kita melihat perubahan perlu dilakukan memandangkan pelajar kini perlu mempelajari dan mempertingkatkan hubungan khususnya bersama-sama badan korporat yang memberi nilai tambah kepada pelajar," katanya.



Pelajar UUM bersama dengan Ahmad Sohaimi (lima dari kiri) menyerahkan sumbangan kepada Rokiah.